



23 APR, 2025

Pengeluar panel solar negara berdepan tekanan

Berita Harian, Malaysia



Pengeluar panel solar negara berdepan tekanan

AS kenakan tarif sehingga 41.56 peratus jejas eksport, pendapatan syarikat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Langkah Amerika Syarikat (AS) mengenakan tarif sehingga 41.56 peratus ke atas panel solar Malaysia dijangka mengurangkan daya saing harga eksport solar negara ke pasaran negara itu, sekali gus menjejaskan jumlah eksport dan pendapatan syarikat pengeluar solar tempatan.

Penganalisis ekonomi, Dr Mohamad Khair Afham Muhammad Senan, berkata kos pembinaan loji solar dan projek tenaga hijau di AS mungkin meningkat sehingga 30 peratus, yang turut memberi kesan ke atas projek kerjasama antara syarikat Malaysia dan pembekal AS serta berpotensi melambatkan kemasukan pelaburan dari luar negara ke sektor tenaga boleh diperbaharui Malaysia.

"Pengilang panel solar di Malaysia berdepan peningkatan kos operasi kerana tarif antisubsidi dan antilambakan yang keseluruhannya melebihi 40 peratus, menyebabkan margin keuntungan tertekan dan kemungkinan penstrukturan semula kos pengeluaran.

"Akibatnya, beberapa pelabur asing mungkin menilai semula rancangan pengembangan mereka di Malaysia, justeru menjejaskan aliran pelaburan langsung asing (FDI) yang selama ini menyokong perkembangan teknologi hijau tempatan.

"Tekanan ini juga boleh mencetuskan kesesakan reka bentuk rangkaian bekalan bersepadu, di mana syarikat terpaksa mencari bahan mentah dan komponen di luar AS, yang mungkin meningkatkan kos logistik dan merumitkan jadual penghantaran," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Mohamad Khair berkata, dalam jangka masa panjang, tarif berkenaan berpotensi melambatkan hasrat Malaysia untuk menjadi hab teknologi hijau serantau menerusi Pelan Induk Industri Baharu 2030 (NIMP 2030) dan

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

"Pelaksanaan projek mega tenaga solar mungkin tertangguh. Dalam usaha menangani isu ini, terdapat usul mempercepatkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi solar berkualiti tinggi bagi meningkatkan daya saing produk Malaysia di pasaran global," katanya.

Penyelesaian kes dagangan

Pegawai perdagangan AS kelmarin memuktamadkan paras tarif yang tinggi terhadap kebanyakan sel solar dari Asia Tenggara, satu langkah penting ke arah menyelesaikan kes perdagangan selama setahun di mana pengeluar AS menuduh syarikat China membanjiri pasaran dengan barangan murah yang tidak adil.

Kes itu dibawa tahun lalu oleh Hanwha Qcells Korea, First Solar Inc yang berpangkalan di Arizona dan beberapa pengeluar kecil yang ingin melindungi pelaburan berbilion dolar dalam pembuatan solar AS.

Kumpulan pempetisyen, American Alliance for Solar Manu-

facturing Trade Committee, menuduh pembuat panel solar China yang besar dengan kilang di Malaysia, Kemboja, Thailand dan Vietnam membuat penghantaran panel di bawah kos pengeluaran dan mendapat subsidi tidak adil yang menjadikan barangan AS tidak kompetitif.

Tarif diumumkan pada Isnin berbeza-beza, bergantung pada syarikat dan negara, namun secara umumnya lebih tinggi daripada duti awal diumumkan lewat tahun lalu.

Ancaman tarif ke atas negara yang membekalkan lebih AS\$10 bilion produk solar ke AS tahun lalu, menyumbang sebahagian besar bekalan domestik, menyebabkan perubahan dramatik dalam perdagangan solar global.

Import dari empat negara yang disasarkan tahun ini adalah sebahagian kecil daripada yang berlaku pada tahun lalu, manakala penghantaran panel dari negara seperti Laos dan Indonesia semakin meningkat.

Lambakan dan duti timbal balas ke atas produk Jinko Solar dari Malaysia adalah antara yang terendah pada 41.56 peratus.

Produk pesaing Trina Solar daripada operasinya di Thailand berdepan tarif sebanyak 375.19 peratus.



Mohamad Khair Afham